



**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS SIJIL PENDIDIKAN AWAL  
KANAK-KANAK (TABIKA) TAHUN 2023**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon mengikuti Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Tabika) Tahun 2023

**1. SYARAT:**

1.1 Calon hendaklah **memiliki kelayakan** seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (iii) **diploma akademik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang diiktiraf** oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan; **dan**
- (iv) **kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 Terbuka kepada calon lelaki atau perempuan.

1.3 **Telah menamatkan pengajian** dan mempunyai skrol diploma serta transkrip (**telah selesai majlis konvokesyen**).

1.4 Tidak berkhidmat sebagai kakitangan lantikan tetap atau kontrak (*contract of service*) dalam perkhidmatan Kerajaan.

## 2. MAKLUMAT ASAS KURSUS:

- 2.1 Tempat : Institut/Pusat Latihan KEMAS
- 2.2 Tempoh : Tiga (3) bulan atau tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Jabatan
- 2.3 Kursus ini **bukanlah satu jaminan** kepada calon untuk dilantik sebagai kakitangan kontrak (*contract of service*) KEMAS. **Sekiranya dilantik**, calon akan ditempatkan mengikut keperluan dan kekosongan di **SEMENANJUNG MALAYSIA** sahaja.

## 3. CARA MEMOHON:

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di **([kis.kemas.gov.my](http://kis.kemas.gov.my))** mulai **20 Januari 2023 (Jumaat)**.
- 3.2 Permohonan yang lewat diterima atau tidak mengikut syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- 3.3 Hanya permohonan yang dibuat secara dalam talian sahaja yang akan diproses.

## 4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

**3 Februari 2023 (Jumaat)**

## 5. PANGGILAN TEMUDUGA:

- 5.1 Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- 5.2 Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap **tidak berjaya**. Surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh Jabatan.